

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO (KLANG)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 07.03.2017**

**Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [ KLANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang supaya semua ubat-ubat pesakit kanser tidak dikenakan GST. Adakah Kerajaan bercadang untuk kadar-sifarkan semua ubat-ubatan menurut senarai " Essential Medicines List "oleh" World Health Organisation" untuk pesakit kanser.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat penambahbaikan layanan GST termasuk pengenaan GST pada kadar

sifar ke atas kategori ubat-ubatan seperti berikut:

1. Semua jenis ubat terkawal di bawah senarai Racun Kumpulan A, B, C dan D di bawah Suffix A;
2. Ubat *over the counter* di bawah Suffix X dan N di bawah Senarai Ubat Penting Kebangsaan (NEML); dan
3. Ubat-ubatan di bawah NEML yang diklasifikasikan sebagai peranti perubatan.

Sehingga kini, sebanyak lebih 9,000 jenama ubat di bawah Suffix A, X dan N telah diberi layanan GST kadar sifar. Layanan GST pada kadar sifar ini adalah meliputi ubat bagi lebih 30 jenis penyakit termasuk semua jenis ubat yang sedia ada bagi penyakit kanser yang dikategorikan sebagai ubat terkawal.

Selain itu, perkhidmatan rawatan kanser juga tidak dikenakan GST tertakluk kepada rawatan tersebut diperolehi daripada mana-mana pusat jagaan kesihatan swasta yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.